



# JABATAN PENGAJIAN TINGGI

BAHAGIAN GOVERNAN IPTS

ARAS BAWAH BLOK 1, MENARA PJH, PRESINT 2,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62505 PUTRAJAYA  
Tel : (603) 8884 5000/4623 Faks : (603) 8884 4650 Web : <http://www.mohe.gov.my>



Ruj Kami : JPT/GS1000-606(29)  
Tarikh : 26 Januari 2011

Semua Ketua Eksekutif IPTS



YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

## PEMANSUHAN PERAKUAN TAHAP MINIMUM KURSUS PENGAJIAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan sedia maklum, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] pindaan 2009 telah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2009. Pindaan yang dilakukan kepada Akta 555 termasuklah pemansuhan subseksyen 44(1) yang memperuntukkan supaya semua kursus pengajian peringkat sijil, diploma dan ijazah di IPTS perlu mencapai tahap minimum sebelum sesuatu sijil, diploma dan ijazah boleh dianugerahkan oleh IPTS berkenaan.
3. Pemansuhan subseksyen 44(1) adalah bertujuan untuk memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan adalah yang terbaik dalam semua aspek terutamanya kemudahan pengajaran dan pembelajaran, tenaga pengajar yang berpengalaman, kurikulum yang berkualiti tinggi, dan juga tenaga pengajar yang berkelayakan. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan daya saing IPTS tempatan dan juga untuk melahirkan modal insan yang kompeten.
4. Sungguhpun subseksyen 44(1) telah dimansuhkan, masih terdapat IPTS yang mengemukakan permohonan kepada pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk memperoleh perakuan tahap minimum bagi kursus pengajian yang dijalankan di IPTS. Ini kerana surat kelulusan pengendalian kursus pengajian IPTS yang dikeluarkan sebelum 1 Ogos 2009 mensyaratkan mereka perlu memperoleh perakuan tahap minimum daripada MQA. Dari sudut perundangan, penguatkuasaan terhadap pindaan kepada Akta 555 pada 1 Jun 2009 tersebut secara automatik akan membatalkan syarat yang bercanggah dengan pindaan tersebut. Walau bagaimanapun, bagi mengelakkan kekeliruan dalam pelaksanaan pindaan Akta 555 tersebut khususnya pemansuhan subseksyen 44(1), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memutuskan bahawa mulai 1 Februari 2011 pihak IPTS tidak lagi perlu mengemukakan sebarang permohonan bagi tujuan memperoleh perakuan tahap minimum kepada MQA. Sebaliknya, pihak IPTS hendaklah mengemukakan permohonan untuk memperoleh perakuan akreditasi.

5. Sementara itu, Bagi IPTS yang telah mengemukakan permohonan bagi memperoleh perakuan tahap minimum kepada MQA sebelum **1 Februari 2011** ataupun terdapat kursus-kursus yang sedang dalam proses penilaian oleh MQA pada masa ini, permohonan pihak IPTS akan diproses seperti biasa, melainkan sekiranya IPTS berkenaan berhasrat untuk menukar permohonannya kepada permohonan untuk memperoleh perakuan akreditasi.

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATIN PROF. IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR)**

Timbalan Ketua Pendaftar

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

s.k

Menteri Pengajian Tinggi

Timbalan-Timbalan Menteri Pengajian Tinggi

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi

Ketua Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Negara (PTPTN)

Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pengajian Tinggi

Penasihat Undang-Undang  
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat

Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)  
YB. Menteri Pengajian Tinggi



Semua Pengarah Bahagian  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi